

13/09/2003

Peneroka anggap hadiah daripada PM

CADANGAN menyenaraikan Felda di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dianggap hadiah paling bernilai kepada peneroka Felda daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara Oktober ini.

Peneroka berpendapat, pengumuman Perdana Menteri itu bakal mengubah persepsi masyarakat terhadap peneroka Felda serta usaha menempatkan mereka sebaris dengan sektor lain, khususnya dalam perniagaan dan perdagangan bersaiz besar.

Di ALOR STAR, Ketua Peneroka Felda Lubuk Merbau, Kuala Nerang, Abdul Rashid Osman, berkata cadangan itu amat baik kerana peneroka turut mendapat ekuiti.

Walaupun tidak menyangka kerajaan bermurah hati berbuat demikian, beliau berkata peneroka sekurang-kurangnya berpeluang memiliki saham di agensi berkenaan.

"Bukan mudah untuk masuk ke BSKL tanpa modal yang besar. Baik juga jika kerajaan mahu membantu peneroka memiliki saham Felda," katanya.

Bagaimanapun, katanya, perbincangan terperinci perlu dilakukan terutama mengenai masalah kewangan peneroka untuk memiliki saham.

Di TERENGGANU, Naib Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) Felda Chalok, Setiu, Mustafa Abdullllah, berkata peneroka patut berterima kasih kerana kerajaan terus membuka peluang dan memberi perhatian untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Beliau berkata, tindakan itu memperlihatkan kesungguhan kerajaan mengubah pandangan masyarakat terhadap peneroka.

"Ia adalah pendekatan baru kerajaan bagi membela nasib peneroka Felda. Peluang seumpama ini harus digunakan sepenuhnya oleh peneroka," katanya.

Di SABAH, pengusaha ladang kelapa sawit, Awadnir Matanggal dari Kota Belud, berkata penyenaian Felda di BSKL perlu dilihat daripada aspek positif oleh peneroka.

Beliau berkata, mereka perlu bijak mengurus saham dan pada masa sama tidak menjualnya untuk keuntungan segera bagi mengelak penyesalan pada masa akan datang.

Di JOHOR BAHRU, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Peneroka Felda Cahaya Baru, Masai, Abdul Razak Abdul Rahman, mencadangkan kerajaan membentuk jawatankuasa peringkat kebangsaan yang dianggotai masyarakat Felda dan golongan profesional yang terdiri daripada anak peneroka Felda untuk memperhalusi cadangan berkenaan.

"Bagaimanapun, peneroka tidak boleh terlalu gembira dan berhati-hati kerana perlu berhadapan dengan pasaran terbuka dan bekerja keras mencapai kehidupan lebih baik. Saya juga berharap semua peneroka Felda akan dapat bersatu dalam satu mekanisma yang akan dicadangkan kerajaan," katanya.

Pengerusi Generasi Kedua Felda Air Tawar 2, Kota Tinggi, Rasman Ithnain, berkata anak peneroka kini tidak harus berasa rendah diri apabila memperkenalkan diri sebagai anak peneroka.

Ia kerana mereka kini dapat duduk sama tinggi dengan orang lain kerana penyenaian saham Felda dalam BSKL membolehkan peneroka menjadi ahli korporat.